

BERITA ONLINE  
UTUSAN BORNEO ONLINE  
TARIKH: 03 NOVEMBER 2022 (KHAMIS)

Utusan  
**Borneo**  
Online

## PETRONAS Komited bantu perkasakan bidang STI di Sabah



UCAPAN: Bacho semasa memberi ucapan dalam majlis tersebut.

TAWAU: Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) komited membantu dan menyokong aspirasi kerajaan Negeri Sabah dalam memperkasa bidang sains, teknologi, dan inovasi (STI).

Naib Presiden Kanan Pelaksanaan Projek dan Teknologi PETRONAS, Datuk Haji Bacho Piong berkata pelbagai inisiatif dan program dijalankan bagi memperkasa STI dari sekolah rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi.

Katanya, PETRONAS percaya bahawa pendidikan berkualiti akan memperkasakan komuniti, seterusnya menyokong pembangunan sosioekonomi negara ke arah masa depan yang mampan.

“Namun, penglibatan pelajar dalam pendidikan STEM yang semakin berkurangan haruslah diberi perhatian kerana dalam mengharungi Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), negara tidak boleh ketinggalan dalam bidang STEM.

“Justeru, langkah pertama yang harus diambil untuk menutup jurang tersebut adalah dengan memberi akses pendidikan yang berkualiti kepada para pelajar,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Pra-Pelancaran Pusat Sains Tawau dan Sandakan di Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau, di sini baru-baru ini.



RASMI: Yakub semasa melancarkan gimik perasmian majlis tersebut.

Menurutnya, PETRONAS juga sedar kepentingan pembangunan pendidikan berkualiti yang menyeluruh di negeri ini khususnya dalam pemeraksanaan aspek STI disegenap peringkat bagi memastikan Sabah mampu mencapai status negeri maju.

“Untuk mencapai aspirasi tersebut, PETRONAS berhasrat mewujudkan pusat sains di dua lokasi di Pantai Timur Sabah iaitu di Perpustakaan Negeri Cawangan Tawau dan Sandakan.

“Pembinaan pusat sains ini bertujuan memberikan akses dan peluang pembelajaran serta meningkatkan kesedaran pelajar, guru dan penduduk setempat ke arah pembudayaan (STEM),” katanya.

Beliau berkata, PETRONAS berbesar hati kerana dapat bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI) mempelbagaikan program yang memberi manfaat kepada pelajar di Sabah.

“Secara tidak langsung, pusat sains ini dapat menyokong dan melengkapi sistem pendidikan STEM Negeri Sabah agar setanding dengan keperluan industri dan global.

“Projek yang menelan belanja sebanyak RM10 juta ini dijangka siap pada 2024 dan bakal memberi pengalaman yang menyeronokkan kepada para pelajar, guru dan penduduk setempat.

“Kami berharap pusat sains ini dapat menyumbang kepada pembangunan modal insan dan peningkatan kemahiran komuniti setempat di Tawau dan Sandakan seterusnya menyokong pelan pembangunan Sabah Maju Jaya,” katanya.



CENDERA KENANGAN: Bacho (kiri) menyampaikan cendera kenangan kepada Yakub.

Bacho berkata, pusat sains ini merupakan satu daripada tiga inisiatif di bawah Program Ekosistem Intervensi STEM yang dirangka khusus untuk masyarakat Sabah. Dua inisiatif yang lain ialah Digital Equity Program(DEP) dan Young Aspiring Mentees in STEM(YAMS).

Katanya, DEP adalah program jangkau luar yang bertujuan meningkatkan kemahiran teknikal dan digital serta mendemokrasikan aktiviti penciptaan digital untuk pelajar B40.

“Manakala, YAMS menggalakkan pelajar sekolah menengah dalam bidang ini sebagai usaha untuk menyokong pembangunan holistik tenaga kerja tempatan dalam kerjaya yang melibatkan STEM di Sabah,” katanya.

Katanya, pada 26 Ogos lepas, PETRONAS dengan usahasama kerajaan negeri melancarkan Agenda Modal Insan PETRONAS-Sabah (HCDA).

“HCDA bertujuan menguraikan rangka kerja inisiatif berstruktur dan inovatif untuk menyokong bakat Sabah melalui peringkat pembelajaran yang berbeza dalam menzahirkan potensi penuh mereka.

“Agenda ini adalah berdasarkan pendekatan strategik seperti menerapkan minat, peluang sama rata, dan memajukan kepakaran untuk memperkayakan perjalanan pembangunan keupayaan bakat,” katanya.



SERAH: Syed Mohammad Muhafiz (kiri) menyampaikan Surat Niat kepada salah satu Institusi.

Menurut Bacho, sehingga kini, lebih RM295 juta dibelanjakan untuk pelbagai program pendidikan dan pembangunan modal insan di negeri ini dan lebih 1.15 juta rakyat Sabah menerima manfaat sejak tahun 2010.

“Kita telah membina Maktab Rendah Sains (MARA) di Ranau bernilai lebih RM110 juta yang meliputi kawasan seluas 26,000 meter persegi dan boleh menampung sehingga 450 pelajar.

“Selain itu, membina Asrama Harian Luar Bandar di kawasan pedalaman yang terletak di Pulau Balambangan yang siap pada tahun 2019 dan menelan kos berjumlah RM4 juta,” katanya.

Tambahnya, program Kembali Ke Sekolah (Back To School) di bawah Yayasan PETRONAS dilakukan yang memberi manfaat lebih 14,150 pelajar dari Sabah yang kurang berkemampuan sejak 2019.

“Program Duta Guru PETRONAS dengan kolaborasi bersama Kementerian Pendidikan Negara yang memberi fokus melatih guru menjadi pendidik STEM yang berimpak tinggi menjelang tahun 2030 turut dijalankan.

“Sehingga hari ini, seramai 103 orang guru STEM berjaya menjalani program dan kini diiktiraf sebagai Duta Guru,” katanya.

Bacho menjelaskan, PETRONAS tidak hanya tertumpu kepada pelajar peringkat rendah dan menengah sahaja, malah turut memberi penekanan kepada pendidikan vokasional dan kemahiran.

“Justeru, PETRONAS menaja beberapa institusi latihan kemahiran menerusi Program Bantuan Penajaan dan Latihan Institusi Vokasional (VISTA) yang memberi manfaat lebih 3,277 orang pelatih dalam kalangan belia sejak 1995.

“PETRONAS juga menyediakan pelbagai bantuan kepada institusi latihan termasuk perkakasan, bahan guna habis, bantuan pembelajaran dan latihan serta sokongan teknikal dan khidmat nasihat,” katanya.

Katanya lagi, inisiatif pendidikan itu sebahagian bukti komitmen PETRONAS menyambut baik usaha murni kerajaan negeri untuk membangunkan Sabah khususnya dalam bidang STEM.

“PETRONAS meletakkan harapan tinggi untuk melahirkan lebih ramai modal insan yang dapat menyambung legasi kejayaan seterusnya mengharumkan nama Sabah yang tercinta,” katanya.



PAMERAN: Bacho dan Yakub semasa melawat pameran yang diadakan pada majlis tersebut.

Sementara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah, Datuk Yakub Khan dalam ucapan perasmianya berkata pihaknya menyambut baik inisiatif PETRONAS mewujudkan pusat sains di Tawau dan Sandakan.

Katanya, kerajaan negeri melalui KSTI Sabah bergerak aktif dengan kerjasama pelbagai agensi termasuk PETRONAS melaksanakan pelbagai program bagi menarik minat pelajar dalam bidang STEM.

Menurutnya, Pusat Sains ini akan menjadi satu platform bagi pelajar di Pantai Timur Sabah, untuk mengenal dan mendalami ilmu STEM.

“Melalui platform ini, minat terhadap STEM dalam kalangan anak-anak Sabah diharapkan dapat disemai dan seterusnya mendorong mereka untuk memilih kerjaya berkaitan bidang itu.

“Kita perlukan anak-anak Sabah yang dapat menyumbang kembali kepakaran mereka untuk kemajuan negeri yang tercinta,” katanya.

Yakub berkata, kerajaan negeri mengalu-alukan inisiatif seumpama ini untuk melahirkan modal insan berdaya saing yang mampu membantu menjayakan agenda pelan pembangunan Hala Tuju Sabah Maju Jaya.

“Dengan kepakaran PETROSAINS dalam bidang ini, kerajaan negeri percaya pendidikan STEM berpotensi besar untuk berkembang maju.

“Kerajaan negeri akan terus membantu merapatkan jurang pendidikan melalui bekerjasama dengan pelbagai pihak demi memastikan pelajar celik dan cakna teknologi,” katanya.



**KENANGAN:** Bacho, Yakub dan semua yang hadir bergambar kenangan selepas pelancaran majlis tersebut.

Pada majlis sama, PETRONAS turut menyerahkan Surat Niat kepada lima Institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di bawah Program Bantuan Penajaan dan Latihan Institusi Vokasional (VISTA).



Institusi itu termasuklah Institut Latihan Teknik dan Perdagangan Papar, Kolej Teknikal Yayasan Sabah, Institut Kemahiran MARA Kota Kinabalu, Akademi Binaan Malaysia Wilayah Sabah dan Sabah Skills and Technology Centre dan melibatkan beberapa kursus yang berkaitan dengan industri minyak dan gas termasuk Kimpalan 6G, Penjaga Jentera AO, dan Perancah sehingga tahun 2025.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pembantu Menteri Belia dan Sukan Sabah, Datuk Andi Muhammad Suryady Bandy; Ahli Lembaga Pengarah, PETRONAS, Datuk Seri Panglima K. Y. Mustafa; Ketua Pengarah, Perkhidmatan Awam Negeri Sabah, Datuk (Datu) Rosmadi Datu Sulai; Setiausaha Tetap, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah, Datuk Zainudin Aman; Ketua Pembangunan Modal Insan, Pengurusan Sumber Tenaga Manusia PETRONAS, Ruslan Halim Islahudin dan Ketua Pelaburan Modal Insan, Pengurusan Sumber Tenaga Manusia PETRONAS, Syed Mohammad Muhafiz Syed Mohd Bakar.